

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 JANUARY 2017

ISU KERUGIAN BMF

# Dr Mahathir perlu jawab pendedahan dokumen CIA

BH-26/1/2017



Keratan Akhbar BH semalam.

➔ Skandal babitkan Bumiputera Malaysia Finance wajar diberi penjelasan kepada rakyat

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Nor Azizah Mokhtar  
bhnewsr@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir Mohamad perlu menjawab dan memberi penjelasan kepada seluruh rakyat negara ini berhubung skandal membabitkan Bumiputera Malaysia Finance (BMF) sekitar 1980-an susulan pendedahan dokumen milik Agensi Perisikan Pusat (CIA).

Setiausaha Agung Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub, berkata keghairahan bekas Perdana Menteri menyerang Datuk Seri Najib Razak dan kerajaan khususnya dalam isu 1MDB akhirnya men-



Mustapha Yaakub

dorong CIA membuka fail lama skandal BMF.

**Siapa akan menafikan?**

“Apabila isu BMF dibuka semula oleh CIA, siapakah yang akan menafikannya? Apakah salah Najib lagi? Apakah setiap yang berlaku itu, maka Najib yang mesti bertanggungjawab walaupun ia berlaku pada zaman kepemimpinan terdahulu?”

“Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri ketika skandal itu berlaku pasti tahu cerita sebenarnya. Beliau ketika itu bernasib baik kerana tidak ada media sosial yang boleh memanjangkan skandal itu dan berakhir dengan penutupan kes berkenaan walaupun banyak pihak tidak berpuas hati.

“Oleh kerana nama beliau di-

sebut oleh CIA, maka Tun M perlu menjawabnya. Jangan pula dengan pendedahan CIA ini, maka Najib yang akan menjadi sasaran pembangkang,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mustapha berkata, pendedahan dokumen CIA ini sepatutnya menjadi renungan kepada Dr Mahathir yang kini berjawatan Penasihat Parti Pribumi Bersatu (PPBM) untuk sedar bahawa ketika menjadi Perdana Menteri, banyak kesilapan yang beliau lakukan.

Katanya, atas dasar kesetiaan dan taat kepada pemimpin, maka parti serta ahli UMNO ketika itu tetap menyokong beliau walaupun turut dipalit skandal berbilion ringgit.

“Tun Mahathir kuat bukan ke-

rana beliau ketika itu Perdana Menteri, tetapi kerana jutaan ahli UMNO dan rakyat menyokong beliau di belakang,” katanya.

**CIA perlu kemuka bukti**

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, pula berkata CIA perlu mengemukakan bukti berhubung skandal BMF seperti yang didakwa terkandung dalam dokumen dikeluarkan agensi itu.

“CIA ni cakap sahaja, kalau ada bukti, bagilah bukti itu. Kita pun tidak boleh dengar sangat cakap orang luar,” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir dipetik oleh portal berita sebagai mendakwa bahawa pendedahan dokumen oleh CIA yang menyebut namanya itu, bermotifkan politik.